



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Aras 1, Bangunan Tabung Haji, Jalan Bagan Luar,
12000 Butterworth, Pulau Pinang
MALAYSIA

Ruj. Kami :SKMM(T)05-NRO/20/OSC_
Senarai Semak/Jld.01
Tarikh : 1 Ogos 2013

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

**KETIDAKPATUHAN KEPADA SENARAI SEMAK SKMM BAGI PERMOHONAN
PEMAJUAN MELALUI OSC**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana yang pihak tuan/puan sedia maklum, setiap permohonan pemajuan oleh pihak perunding kepada pihak OSC perlulah lengkap dari segi dokumentasi mengikut senarai semak agensi teknikal yang telah ditetapkan termasuklah senarai semak SKMM.

3. Walaubagaimanapun, sehingga kini pihak SKMM mendapati bahawa masih terdapat banyak permohonan pemajuan yang dihantar dan memerlukan ulasan pihak SKMM masih tidak lengkap dan tidak mematuhi senarai semak SKMM. Ketidakpatuhan terhadap senarai semak ini menyukarkan pihak SKMM untuk memproses permohonan tersebut disebabkan oleh maklumat teknikal yang tidak lengkap.

4. Sehubungan dengan itu, bagi mengelakkan ketidakpatuhan kepada syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan, pihak SKMM akan mengambil tindakan tegas dengan **tidak menyokong semua permohonan tidak lengkap yang dihantar bermula 1 Ogos 2013.**

5. Oleh yang demikian, perhatian dan bantuan pihak OSC adalah diperlukan bagi memastikan setiap permohonan pemajuan yang masuk adalah mematuhi senarai semak SKMM bagi mengelakkan lebih banyak permohonan yang tidak disokong. Dilampirkan bersama surat ini adalah Senarai Semak SKMM bagi permohonan pemajuan di peringkat Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.

6. Untuk sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan boleh berhubung dengan Pejabat SKMM Wilayah Utara di talian 04-3238228 atau email kepada muhammad.fairuz@cmc.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"

Yang benar,

Ahmad Nor Hisham bin Mohd Yusop
Ketua Wilayah Utara
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

**SENARAI SEMAK SKMM YANG PERLU DILENGKAPKAN
(SKIM PERUMAHAN DAN PROJEK KOMERSIAL)**

| BIL | DOKUMEN | BIL. DOK. | ADA | TIADA | CATITAN |
|-----|---|-----------|-----|-------|--|
| 1 | Salinan surat perlantikan perunding | 1 | | | |
| 2 | Salinan surat sokongan dari pihak pemberi perkhidmatan rangkaian (Network Faciities Provider (NFP)) | 1 | | | |
| 3 | Surat tiada halangan gelombang mikro dari pemberi perkhidmatan rangkaian (bagi bangunan yang melebihi 5 tingkat) | 1 | | | |
| 4 | Laporan cadangan pemajuan | 1 | | | |
| 5 | Pelan kunci | 1 | | | |
| 6 | Pelan lokasi / pelan tapak / pelan susun atur | 1 | | | |
| 7 | Pelan cadangan infrastruktur komunikasi | 1 | | | |
| 8 | Maklumat projek dalam fail digital excel (SKMM_FIXED_TEMPLATE_KM (SKIM & KOMERSIAL)) | 1 | | | Diperlukan dalam bentuk softcopy CD |
| 9 | Maklumat pelan-pelan dalam fail digital AutoCAD Drawing. | 1 | | | Diperlukan dalam bentuk softcopy CD |
| 10 | Salinan surat perakuan orang yang megemukakan kepada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia yang memperakui mematuhi : <ul style="list-style-type: none"> i. Technical standarts and infrastrucur requirements-part 1 fixed network insfrastructure. ii. Guideline on the provision of basic civil works for communications infrastructure in new development areas iii. Technical standard of in building fibre cabling for fibre to the premise. | 1 | | | Perlu dihantar ke SKMM semasa permohonan pelan bangunan. |

* file digital excel boleh dimuat turun dari (<https://www.dropbox.com/sh/i0fqjxyw5zty20p/bGzcsQ0rwz>)

**SENARAI SEMAK KEBENARAN MERANCANG
(STRUKTUR SISTEM PEMANCAR ATAS BANGUNAN)**

| BIL | JENIS DAN BILANGAN DOKUMEN YANG DISEMAK OLEH OSC | | SILA TANDAKAN | | | CATITAN |
|-----|---|--------------|---------------|-----|------|--|
| | DOKUMEN | BIL. DOKUMEN | PSP | OSC | SKMM | |
| 1 | surat permohonan | 1 | | | | |
| 2 | Borang - "Tower/Rooftop Inspection Form" | 1 | | | | |
| 3 | Pelan Kunci | 1 | | | | |
| 4 | Pelan Lokasi | 1 | | | | |
| 5 | Pelan Tapak Infrastruktur | 1 | | | | |
| 6 | Pelan Rekabentuk Struktur | 1 | | | | |
| 7 | surat perjanjian penyewaan atau surat tawaran | 1 | | | | |
| 8 | Lukisan pandangan tampak bangunan | 1 | | | | |
| 9 | Laporan rekabentuk struktur sedia ada dan tambahan | 1 | | | | |
| 10 | surat perakuan daripada Jabatan Penerbangan Awam (JPA) | 1 | | | | |
| 11 | Borang "SKMM_Wireless_OSC_Template (tower & RT)" Dalam Bentuk Fail Digital Excell | 1 | | | | fail perlulah dalam bentuk softcopy CD |
| 12 | Maklumat Pelan-Pelan Dalam Fail Digital AutoCAD Drawing | 1 | | | | fail perlulah dalam bentuk softcopy CD |

* file digital excel boleh di muat turun dari link berikut (<https://www.dropbox.com/sh/i0fqjxyw5zty20p/bGzcsQ0rwz>)

**SENARAI SEMAK KEBENARAN MERANCANG
(STRUKTUR MENARA DAN SISTEM PEMANCAR ATAS TANAH)**

| BIL | JENIS DAN BILANGAN DOKUMEN YANG DISEMAK OLEH OSC | | SILA TANDAkan | | | CATITAN |
|-----|---|--------------|---------------|-----|------|--|
| | DOKUMEN | BIL. DOKUMEN | PSP | OSC | SKMM | |
| 1 | surat permohonan | 1 | | | | |
| 2 | Borang - "Tower/Rooftop Inspection Form" | 1 | | | | |
| 3 | Pelan Kunci | 1 | | | | |
| 4 | Pelan Lokasi | 1 | | | | |
| 5 | Pelan Tapak Infrastruktur | 1 | | | | |
| 6 | Pelan Rekabentuk Struktur | 1 | | | | |
| 7 | Dokumen milikan tanah atau geran atau carian rasmi | 1 | | | | |
| 8 | surat perjanjian penyewaan atau surat tawaran | 1 | | | | |
| 9 | surat perakuan daripada Jabatan Penerbangan Awam (JPA) | 1 | | | | |
| 10 | Laporan Rekabentuk | 1 | | | | |
| 11 | Laporan Geoteknikal | 1 | | | | |
| 12 | "SKMM_Wireless_OSC_Template (tower & RT)" Dalam Bentuk Fail Digital Excell | 1 | | | | fail perlulah dalam bentuk softcopy CD |
| 13 | Maklumat Pelan-Pelan Dalam Fail Digital AutoCAD Drawing | 1 | | | | fail perlulah dalam bentuk softcopy CD |

* file digital excel boleh di muat turun dari link berikut (<https://www.dropbox.com/sh/i0fqjxyw5zty20p/bGzcsQ0rwz>)



**SENARAI SEMAK KEBENARAN MERANCANG
(RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI TALIAN TETAP)**

Lampiran I

**SURAT PERAKUAN ORANG YANG MENGEMUKAKAN KEPADA
SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

Tarikh :

Kepada

Masukkan alamat penuh
SKMM yang berkaitan

Tuan / Puan

Dengan ini saya memperakui bahawa perincian di dalam pelan-pelan bangunan yang
dikemukakan kepada Masukkan nama PBT yang berkaitan
bagi permohonan
Tajuk Permohonan Cadangan Pemajuan

di atas lot / lot-lot mukim
adalah termasuk penyediaan prasarana asas sivil (dalaman dan luaran) dan pendawaian
(dalaman) bagi membolehkan perkhidmatan komunikasi talian tetap disediakan dan mematuhi
keperluan-keperluan SKMM iaitu;

- i) *Guideline on the Provision of Basic Civil Works for Communications Infrastructure in New Development Area* ;
- ii) *Technical Standards and Infrastructure Requirements – Part 1 : Fixed Networks Infrastructure*;
- iii) *Technical Standard of In-Building Fibre Cabling for Fibre-To-The-Premise* (jika pendawaian gentian optik diperlukan); dan

saya bersetuju untuk menerima tanggungjawab penuh dengan sewajarnya.

.....
Orang Yang Mengemukakan

Nama :

Alamat :

No. Pendaftaran Profesional :

Nota : Sesalinan borang yang telah dilengkapkan hendaklah
dikemukakan bersama-sama Borang A dan Borang B, Jadual Kedua UKBS 1984